

# Eldy dan Merry Olahragawan dan Olahragawati UMS

UB 22.4.2014 A15

Oleh DESMOND QWEK

KOTA KINABALU: Atlet elit Sabah, Eldy Sham Elron dan Merry Gabali masing-masing dikalungkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati pada Kejohanan Olahraga Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2014 di sini pada Ahad.

Eldy yang mewakili Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) memenangi empat pingat emas menerusi acara 400 meter (m) lari berpagar, 100m, 200m dan 4x100.

Manakala Merry yang mewakili sekolah yang sama memenangi tiga pingat emas menerusi acara 100m, lompat jauh dan 4x100m.

Anugerah Atlet Harapan Lelaki disandang oleh Eddy Rick Nelson dari Sekolah Sains Sosial (SSS) selepas menjuarai acara 110m lari berpagar dan menduduki tempat kedua dalam acara lompat tinggi dengan catatan masa dan ketinggian yang amat memberangsangkan.

Anugerah Atlet Harapan Wanita pula disandang oleh Josephine Yaban dari Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS) selepas memenangi



**ELDY (kanan) dan Merry memberikan reaksi kepada jurugambar selepas dinobatkan selaku Olahragawan dan Olahragawati UMS 2014.**

tiga pingat emas menerusi acara 800m, 1,500m dan 3,000m.

Kejohanan dua hari itu menyaksikan SPPS muncul selaku juara keseluruhan selepas membolot 22 pingat emas, tujuh pingat perak dan tiga gangsa.

SPKS muncul selaku naib johan keseluruhan dengan lima pingat emas, dua pingat perak dan dua pingat gangsa

sambil Sekolah Perniagaan Kampus Antarabangsa Labuan (SPKAL) menduduki tempat ketiga keseluruhan dengan dua pingat emas, 11 pingat perak dan 10 pingat gangsa.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengarah Pusat Sukan UMS Mohd Asyraaf Fong Abdullah.



**SEBAHAGIAN** Atlet-atlet yang menyertai Kejohanan Olahraga Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2014 merakamkan kenangan.